

11 FEB 1999

Annuar-Peroka

PENEROKA DIMINTA LAPOR JIKA DIDATANGI ORANG DISYAKI

KOTA BAHARU, 11 Feb (Bernama) -- Peneroka rancangan kemajuan tanah diminta membuat laporan polis sekiranya didatangi orang yang mendakwa mewakili sesebuah syarikat dengan membuat tawaran lumayan untuk membeli atau memajak tanah mereka atau membeli hasil ladang mereka.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata mesyuarat Kabinet semalam memutuskan untuk meminta peneroka berbuat demikian memandangkan adanya usaha di kalangan parti pembangkang untuk menimbulkan bibit kemarahan di kalangan peneroka tanah terhadap kerajaan.

Satu daripada caranya ialah dengan menampilkan syarikat-syarikat yang sebenarnya tidak berkemampuan dan membuat tawaran seperti itu kepada peneroka, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pengurusan Umno Kelantan hari ini.

"Oleh sebab-sebab tertentu termasuk hal-hal pentadbiran yang belum selesai antara peneroka dan kerajaan berhubung tanah berkenaan, kerajaan akan menghalang peneroka daripada menerima tawaran itu," katanya.

Apabila ini terjadi, golongan itu berharap peneroka yang terpedaya dengan tawaran berkenaan akan marah kepada kerajaan dan menjejaskan sokongan mereka kepada kerajaan pada pilihan raya umum nanti, katanya.

Anwar berkata peneroka sepatutnya faham bahawa tindakan kerajaan itu hanya untuk menyelamatkan mereka daripada ditipu kerana ada di kalangan syarikat terbabit dikesan hanya memiliki modal RM2.

Sementara itu, Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan menyatakan bahawa jumlah anggota Umno negeri ini hingga akhir tahun lepas ialah 294,762 orang, melepasi sasaran 250,000 orang.

Beliau berkata perkembangan itu menunjukkan program yang dianjurkan oleh Umno semakin diterima rakyat dan mereka sedar ketidakupayaan Pas untuk membawa pembangunan dan kesejahteraan hidup kepada rakyat negeri ini.

Sehubungan itu, Umno Kelantan akan terus memperhebatkan usaha untuk menguatkan lagi sokongan rakyat khususnya untuk memenangi pilihan raya umum akan datang agar dapat memerintah semula kerajaan negeri.

Antara program yang akan dianjurkan ialah rapat umum yang turut melibatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan yang dijangkakan pada April depan, katanya.

-- BERNAMA

BD NMO